

28/01/1999

Jawatankuasa minta PM selesai masalah gaji

KUALA LUMPUR, Rabu - Jawatankuasa Sokongan Masyarakat Ladang hari ini meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, campur tangan bagi menyelesaikan isu tuntutan gaji bulanan yang adil dan saksama untuk pekerja ladang di negara ini.

Jawatankuasa itu yang mendakwa mewakili pekerja dari 200 ladang di seluruh Semenanjung, kecuali Terengganu menggesa kerajaan menggubal undang-undang baru bagi membolehkan pekerja ladang mendapat gaji bulanan.

Jurucakapnya, S Arutchelvan, berharap jawatankuasa itu dapat mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir secepat mungkin bagi membincangkan perkara itu dengan lebih mendalam.

Sebelum ini, pihaknya sudah menghantar memorandum kepada Perdana Menteri untuk meminta kerajaan campur tangan tuntutan pekerja ladang.

Bagaimanapun, katanya, sehingga kini pihaknya masih belum mendapat sebarang maklum balas daripada Jabatan Perdana Menteri. Antara tuntutan ialah mendapatkan gaji bulanan minimum RM750, bonus tahunan sebulan gaji dan kenaikan gaji tahunan RM50.

Dalam satu sidang akhbar di sini beliau berkata, kebanyakan pekerja ladang juga tidak berpuas hati dengan skim gaji yang diumumkan melalui perjanjian kolektif baru antara Persatuan Pengeluar Pertanian Malaysia (Mapa) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Perladangan (NUPW) pada 15 Januari lalu.

Arutchelvan menganggap peningkatan gaji antara 14 hingga 18 peratus yang diumumkan itu sebagai satu pengkhianatan dan hanya memberi kenaikan RM1.10 sehari atau boleh disamakan dengan harga sebiji kelapa.

"Gaji sebenar yang diperolehi pekerja ladang dalam perjanjian itu adalah lebih rendah daripada apa yang diperolehi oleh penoreh getah pada 1986 sedangkan kos hidup semakin meningkat," katanya.

Menurutnya, walaupun kenaikan itu menjadikan gaji harian pekerja berjumlah RM11.50 sehari tetapi gaji sebenar mereka ialah RM3.30 selepas diambilkira indeks harga pengguna semasa.

(END)